

13/08/1997

Marina jadi tumpuan akhbar di Jakarta

Nazar Abdul in Jakarta

DATUK PADUKA Marina Mahathir, menjadi perhatian terutama di kalangan wartawan Indonesia ketika datang ke Jakarta untuk menghadiri majlis Anugerah Pencapaian Asean Kelima anjuran Asean Business Forum di sebuah hotel di ibu kota itu, minggu lalu.

Anak sulung Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu, menerima anugerah bagi kategori Khidmat Masyarakat kerana usaha cemerlang beliau sebagai Presiden Majlis Aids Malaysia melaksanakan pelbagai program untuk menangani masalah Aids.

Beliau adalah satu-satunya tokoh wanita yang menerima anugerah yang disampaikan oleh Menteri Koordinasi Pengeluaran dan Penedaran Indonesia, S Hartarto.

Sepuluh penerima lain adalah dua dari Malaysia iaitu Presiden Mimos, Datuk Dr Tengku Azzman Shariffadeen (Bagi kategori Teknologi Maklumat) dan Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia, Datuk Dr Ah-mad Zaharudin Idrus (bagi Kategori Sains).

Jika sebelum ini Menteri Perindustrian dan Perdagangan Antarabangsa Datuk Seri Rafidah Aziz atau lebih dikenali sebagai Ibu Rafidah menjadi tumpuan dan perhatian wartawan Indonesia, kini tiba pula giliran Marina yang lebih dikenali di Indonesia sebagai Ibu Marina.

Wartawan Indonesia sangat berminat untuk mendengar sendiri komen Marina mengenai pelbagai perkara termasuk masalah Aids, hak wanita dan fotografi.

Sebagai anak seorang pemimpin yang sangat dikenali serta disegani di dunia dan di Indonesia, Marina sudah tentu menjadi tumpuan wartawan tempatan.

Akhbar Republika keluaran Sabtu menyiarkan di muka hadapan temuramah wartawannya dengan Marina termasuk latar belakang tokoh wanita Malaysia ini serta kegiatannya menangani masalah Aids di Malaysia dan rantau Asean.

Ia juga menyiarkan temuramah khas dengan Marina di halaman dalam mengenai persamaan hak wanita dalam Islam serta pandangan beliau mengenai pelbagai isu semasa termasuk pertandingan ratu cantik yang membabitkan wanita Islam.

Akhbar berbahasa Inggeris Jakarta Post pula dalam keluaran Ahadnya menyiarkan temuramah wartawannya Yenni Kwok dengan Marina mengenai pelbagai isu semasa.

Marina menceritakan panjang lebar mengenai usahanya menangani masalah Aids melalui kegiatan Majlis Aids Malaysia dan hasilnya hingga mendapat penghormatan dan pengiktirafan masyarakat antarabangsa.

"Mungkin disebabkan usaha saya mengadakan pelbagai program menangani masalah Aids saya diberi Anugerah Pencapaian Asean bagi Khidmat Masyarakat," katanya dalam satu sidang akhbar mengenai majlis itu.

Menurut Marina, anugerah itu adalah satu penghormatan dan pengiktirafan masyarakat terhadap usaha memerangi penyakit Aids dan membantu penghidap penyakit itu di Malaysia.

Beliau berharap usahanya itu dapat diperluaskan ke negara Asean yang lain terutama Thailand, Myanmar dan Indonesia.

Sementara itu Marina juga diberi tumpuan ketika menghadiri majlis penyampaian Anugerah Pencapaian Asean Kelima yang disiarkan dalam program berita di semua enam stesen televisyen di Indonesia.

(END)